



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' SRI DR. ALI BIN HANSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

PROGRAM MAKSAK TURUN PADANG TAHUN 2013

**2 MEI 2013 (KHAMIS)
9.00 PAGI
INSTITUT KRAF NEGARA, TAMAN TEMPLER,
RAWANG, SELANGOR**

Bismillahirrahmanirahim,

- YBhg. Dato' Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam merangkap Timbalan Yang Dipertua MAKSAK Malaysia;
- YB. Dato' Haji Mohammed Khusrin Munawi, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor merangkap Yang Dipertua MAKSAK Selangor;
- YBhg. Dato' Seri Ir. Mohd Noor Yaacob, Ketua Pengarah Kerja Raya merangkap Naib Yang Dipertua MAKSAK Malaysia;
- YBhg. Dato' Sri Zulkifli Omar, Ketua Pengarah Penjara merangkap Naib Yang Dipertua MAKSAK Malaysia;
- YBhg. Datuk Othman Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri merangkap Naib Yang Dipertua MAKSAK Malaysia;
- Yang Dipertua Badan-badan Gabungan MAKSAK;
- Ketua-ketua jabatan persekutuan dan agensi Kerajaan negeri;
- Para penjawat awam negeri Selangor dan seterusnya, tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Terlebih dahulu, marilah kita semua memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat bersama-sama dalam **Program MAKSAK Turun Padang 2013** di Institut Kraf Negara pada pagi yang berbahagia ini.

2. Di kesempatan ini juga, suka saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor serta agensi yang terlibat di atas kesudian menjemput saya untuk hadir bersama-sama dengan para hadirin sekalian. Ucapan penghargaan juga ingin saya sampaikan kepada pihak Pejabat Daerah dan Tanah Gombak serta Institut Kraf Negara di atas kesudian untuk menjadi hos kepada program ini. Sesungguhnya, saya berasa amat gembira dan bersyukur kerana dapat juga saya bertemu dengan sebahagian penjawat awam yang bertugas di pelbagai jabatan/agensi awam di Selangor.

3. Untuk makluman semua, Program MAKSAK Turun Padang merupakan program tahunan MAKSAK Malaysia yang bertemakan kebajikan, dan mula dianjurkan sejak tahun 2003. Program MAKSAK Turun Padang juga adalah satu usaha untuk saya meneruskan tradisi “Merakyatkan Perkhidmatan Awam 1Malaysia” dan budaya “turun padang” yang telah didukung sejak saya diberi peluang untuk menggalas tanggungjawab sebagai Ketua Setiausaha Negara tahun lalu.

TURUN PADANG

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Saya sentiasa mengingatkan ketua-ketua jabatan dan agensi peringkat negeri dan daerah untuk “turun padang” dengan kerap, agar dapat memahami dan melihat sendiri keadaan sebenar persekitaran kerja penjawat

awam dan perasaan mereka ketika memberi perkhidmatan kepada rakyat. Sememangnya budaya “**turun padang**” ini merupakan peluang yang terbaik untuk:

- **mendengar secara langsung masalah yang dihadapi**, dan mencari jalan penyelesaian yang terbaik;
- **menghebahkan kepada penjawat awam dan rakyat akan dasar, pendekatan dan program** yang dilaksanakan; dan
- **mendengar maklum balas** yang sememangnya amat berguna dalam **merancang program-program baru** pada masa hadapan untuk manfaat rakyat.

5. Saya yakin bahawa “turun padang” dapat memberi kesan secara langsung yang positif terhadap mutu penyampaian perkhidmatan awam, kerana saya percaya perkhidmatan awam yang cekap dan produktif lahir daripada **keprihatinan dan perhubungan yang akrab** antara pekerja dan pihak pengurusan. Amalan “turun padang” ini bukan sahaja dapat mengeratkan silaturahim pengurusan atasan dengan pegawai dan anggota penjawat awam dalam jabatan masing-masing.

6. Saya juga sering mengingatkan bahawa penjawat awam juga adalah rakyat dan pelanggan di negara ini, dan juga sama-sama menerima perkhidmatan dari Kerajaan. Saya yakin dan percaya sekiranya penjawat awam memahami serta menghayati konsep ini, perkhidmatan yang diberikan pastinya responsif, berkualiti serta memenuhi keperluan dan ekspektasi pelanggan.

INOVASI DAN KREATIVITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. Perumpamaan "***business is not as usual***" memberi gambaran yang jelas bahawa kita tidak boleh hanya berpegang kepada satu "praktis" yang telah sekian lama kita amalkan. Perkhidmatan awam kini perlu berubah kepada yang lebih baik, dan tidak hanya berpuas hati berada di takuk yang lama. Suka saya memetik kata-kata Ketua Pegawai Eksekutif dan Naib Presiden syarikat gergasi, Samsung Electronics, Jong-Yong Yun iaitu: "***We cannot live without change. The race for survival in this world is not to be the strongest but to the most adaptive***". (Maksud: Kita tidak boleh hidup tanpa perubahan. Perlumbaan untuk terus hidup di dunia ini ialah bukan untuk menjadi yang terkuat tetapi untuk menjadi yang paling senang menyesuaikan diri)

8. Oleh itu, saya dengan harapan yang tinggi menggalakkan usaha-usaha untuk melahirkan bijak pandai dari kalangan Penjawat Awam yang sentiasa menyuntik inovasi dan kreativiti, dan sekaligus mentransformasikan Perkhidmatan Awam ke arah menjadi sebuah perkhidmatan awam yang dinamik dan bertunjangkan profesionalisme. Penjawat awam juga mesti melaksanakan pemikiran berbentuk kreatif dan inovatif secara lebih proaktif dengan disertai dengan sikap yang positif, peribadi yang mulia dan nilai-nilai yang unggul.

PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN DAN EKONOMI

9. Pemikiran yang inovatif dan kreatif ini semestinya akan menjadi aset penting dalam memastikan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan

Program Transformasi Ekonomi (ETP) dapat direalisasikan dengan jayanya. Sebagaimana yang kita sedia maklum, GTP dan ETP merupakan batu loncatan terhadap usaha Kerajaan mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Kejayaan kedua-dua program transformasi yang dilaksanakan sejak tahun 2010 ini menjadi asas utama untuk menyokong Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi. Dengan itu, saya menyeru penjawat awam untuk meneruskan momentum kejayaan ini.

10. Pembaharuan dan transformasi yang dibuat di bawah ETP telah mula menampakkan hasil yang memberangsangkan. Ini dibuktikan dengan fakta di mana pada tahun lepas, Malaysia berada di kedudukan ke-12 dalam Laporan Bank Dunia Mengenai '*Ease of Doing Business*'. Baru-baru ini, majalah *The Economist* juga telah memberikan pengiktirafan tertinggi kemajuan Malaysia dalam kewangan Islam dan khususnya, penguasaan Malaysia di dalam penerbitan Sukuk.

11. Ini semua menjadi mungkin apabila penjawat-penjawat awam seperti tuan-tuan dan puan-puan terus berusaha dan bertekad memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan kita pada masa akan datang. Saya amat menghargai segala komitmen dan usaha tuan-tuan dan puan-puan semua ke arah menjadikan perkhidmatan awam kita sebagai perkhidmatan awam bertaraf antarabangsa.

PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH NKEA DAN NKRA

12. Pada masa yang sama, Kerajaan amat prihatin dengan kualiti kehidupan rakyat dan telahpun memperkenalkan pelbagai inisiatif di Selangor agar ianya seiring dengan statusnya sebagai sebuah negeri maju. Antara inisiatif di bawah **Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA): Greater KL & Klang Valley** yang bakal memberi impak positif kepada rakyat Selangor

adalah:

- projek MRT yang merentasi kawasan Selayang, Shah Alam, Petaling Jaya dan Kajang; dan
- Projek *River of Life* yang menekankan aspek pembersihan sungai, pengurangan serta pengawalan pencemaran juga bakal memberi manfaat kepada para pengguna di kawasan Selayang dan Ampang Jaya.

13. **Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR)** juga menyaksikan sebanyak 151 buah kedai di Selangor mendapat manfaat, dan hasilnya adalah penyampaian perkhidmatan kepada rakyat yang bertambah baik, di samping menaikkan imej pekedai kecil. Selain itu, melalui **NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi**, kadar penetrasi di Selangor telah ditambahbaik dan kini mencecah 80% manakala sebanyak 864 buah sekolah di Selangor telah dinaiktaraf perkhidmatan internet di bawah inisiatif eLearning.

14. Kesemua inisiatif ini menunjukkan **komitmen dan keprihatinan Kerajaan kepada keperluan rakyat**, yang mana Kerajaan **sentiasa melaksanakan program-program yang boleh meningkatkan taraf hidup rakyat demi memastikan kesejahteraan hidup** semua lapisan masyarakat terjamin.

MAKSAK DAN PENJAWAT AWAM

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

15. Saya amat mengalu-alukan program kebajikan yang dianjurkan oleh MAKSAK pada hari ini, kerana ia memberi peluang kepada penjawat awam untuk menabur bakti kepada masyarakat (“give back to society”). Saya amat berharap program sebegini, yang dapat membantu meringankan beban mereka yang lebih memerlukan, dapat diteruskan pada masa hadapan.

16. Di samping itu, penganjuran program-program berbentuk sukan yang menjadi fokus MAKSAK merupakan antara aspek kebajikan penjawat awam yang saya lihat sangat penting dalam mewujudkan penjawat awam yang produktif, sihat dan cergas, yang sentiasa bersedia untuk memberi yang terbaik demi perkhidmatan awam Malaysia. Dalam hal ini, selaku Yang Dipertua MAKSAK Malaysia, saya menyokong penuh usaha-usaha untuk menganjurkan aktiviti atau kejohanan sukan di semua peringkat dari peringkat jabatan sehinggalah di peringkat kebangsaan.

17. Dalam menyokong usaha ini, MAKSAK telah merombak kembali dasar terdahulu dan sukacita saya umumkan di sini bahawa mulai 13 Februari 2013, kelab sukan dan kebajikan agensi awam di semua peringkat kini dibenarkan semula untuk memohon sumbangan daripada pihak swasta berdasarkan syarat-syarat serta garis panduan yang telah dikeluarkan pada 13 Februari 2013. Dasar ini adalah antara usaha MAKSAK untuk merancang dan mengaktifkan kembali program-program sukan dan sosial di agensi-agensi Kerajaan. Sehubungan itu saya menyeru semua badan-badan gabungan MAKSAK untuk kembali merancang aktiviti berbentuk sukan dan sosial di negeri atau jabatan masing-masing dengan objektif

melahirkan anggota Perkhidmatan Awam yang aktif, cekap, produktif dan berdaya saing.

PENUTUP

18. Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas jemputan ini dan saya berharap tuan-tuan dan puan-puan akan terus memberi komitmen untuk menjayakan dan melaksanakan agenda negara, seterusnya memacu kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan demi kepentingan rakyat, dan negara.

Sekian.

Wabillahhittaufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia